

Tinjauan Penglibatan Semula Program Bantuan Bersasar (“Tinjauan”)

15 FEBRUARI 2023

No.	Question	Answer
1	Apakah Tinjauan Penglibatan Semula Program Bantuan Bersasar?	<p>Dengan keadaan yang pulih seperti normal, CIMB kekal komited untuk melakukan yang terbaik untuk pelanggan kami. Oleh itu, kami ingin menjemput anda untuk menyertai tinjauan ini untuk memahami keadaan kewangan anda sekiranya anda ingin membuat pertimbangan untuk mengemaskini terma pembayaran anda untuk mengurangkan jumlah kos pinjaman/pembiayaan anda dalam jangka masa panjang.</p> <p>Anda boleh melayari laman web kami dan cari kata kunci “kurang” untuk membuat tinjauan tersebut dan maklumkan kepada kami sekiranya anda ingin mengurangkan kos pinjaman/pembiayaan keseluruhan.</p> <p>Setelah melengkapkan Tinjauan tersebut, pihak kami akan menghubungi anda dalam masa 7 hari bekerja untuk mengesahkan maklum balas anda dan meneruskan permohonan anda, sekiranya anda berminat.</p>
2	Mengapakah Bank menghantar SMS kepada saya?	<p>Kami menghubungi anda kami melalui SMS kerana anda memenuhi kriteria kelayakan untuk program ini (rujuk S3).</p> <p>Sekiranya anda berminat untuk mengetahui lebih lanjut atau ingin menyertai program ini,, layari laman web kami dan cari kata kunci “kurang” untuk mengambil Tinjauan dan maklumkan kepada kami sekiranya anda ingin mengurangkan kos pinjaman/pembiayaan keseluruhan.</p> <p>Tinjauan ini hanya akan mengambil masa kurang daripada 5 minit dan tidak memerlukan anda untuk memberi sebarang maklumat akaun, butiran log masuk atau dokumen sokongan.</p>
3	Siapakah yang layak menyertai Tinjauan ini?	Tinjauan ini adalah terbuka kepada pelanggan yang telah menyertai salah satu daripada program bantuan pembayaran kami.

4	Apakah produk pinjaman/pembiayaan yang termasuk dalam Tinjauan ini?	<p>Produk-produk yang termasuk dalam Tinjauan ini adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pinjaman / Pembiayaan Hartanah • Pembiayaan ASB, • Pinjaman / Pembiayaan Peribadi (Pinjaman <i>Xpress Cash</i>, Pembiayaan-i <i>Xpress Cash</i>, Pinjaman Cash Plus & Pembiayaan-i Cash Plus, Pembiayaan Peribadi Sektor Awam-i). • Pembiayaan Auto • Pembiayaan Berjangka yang telah ditukar dari baki kad kredit/-i di bawah penstrukturan dan penjadualan semula.
5	Apakah pilihan berkenaan kemudahan pembiayaan yang diberikan dalam Tinjauan ini?	<p>Untuk mengurangkan kos pinjaman/pembiayaan keseluruhan anda dengan CIMB, anda boleh memilih salah satu daripada pilihan di bawah:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pilihan A: Meningkatkan ansuran bulanan; atau • Pilihan B: Bayaran sekaligus baki belum jelas yang perlu dibayar pada akhir tempoh pinjaman/pembiayaan
6	Bilakah saya boleh membuat pilihan tersebut?	<p>Pilihan di bawah Tinjauan ini boleh dibuat mulai 15 Februari 2023 hingga 31 Mac 2023.</p> <p>Terma pembayaran yang dikemaskini akan bermula pada bulan berikutnya selepas anda telah mengesahkan permohonan anda kepada pihak kami melalui panggilan telefon.</p>
7	Bagaimanakah saya boleh memohon untuk program ini?	<p>Sekiranya anda ingin memohon atau memerlukan maklumat lanjut tentang Tinjauan ini, anda boleh:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Layari laman web kami dan cari kata kunci “kurang”; • Hubungi Pusat Panggilan kami di 03 6204 7788; atau • Kunjungi mana-mana cawangan CIMB.
8	Bolehkah saya memohon untuk mengemas kini terma pembayaran saya untuk akaun-akaun pinjaman/pembiayaan sekiranya saya tidak menyertai program bantuan pembayaran CIMB sebelum ini?	<p>Jika anda berminat untuk mengurangkan kos keseluruhan bagi pinjaman/pembiayaan anda, anda boleh:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Hubungi Pusat Panggilan kami di 03 6204 7788; atau

	Bolehkah saya semak semula jumlah ansuran saya sekiranya saya tidak pernah menyertai mana-mana program ini?	<ul style="list-style-type: none"> Kunjungi mana-mana cawangan CIMB.
9	Saya telah menghantar tinjauan penilaian, apakah yang perlu saya lakukan seterusnya?	Setelah melengkapkan Tinjauan tersebut, anda akan menerima panggilan daripada pihak kami dalam masa 7 hari bekerja untuk mengesahkan maklum balas anda dan meneruskan permohonan anda sekiranya anda berminat.
10	Saya mempunyai beberapa pinjaman/pembiayaan dengan CIMB, adakah semua pinjaman/pembiayaan termasuk dalam bantuan ini atau hanya yang tertentu sahaja?	Sekiranya anda berminat untuk mengurangkan kos pinjaman/pembiayaan keseluruhan, sila nyatakan nama produk yang berkenaan dalam Tinjauan tersebut dan pihak kami akan membuat pengesahkan apabila menghubungi anda.
11	Saya mempunyai bayaran bulanan sebanyak 1 bulan yang tertunda, bolehkah saya menyertai?	Ya, anda boleh menyertai jika anda memenuhi kriteria kelayakan (rujuk S3).
12	Bagaimana pula dengan potongan bayaran automatik atau arahan tetap saya?	<p>Jika terdapat arahan tetap dengan CIMB atau bank lain, anda perlu mengemaskini arahan tetap anda sewajarnya dengan Bank demikian.</p> <p>Jika anda mempunyai potongan bayaran automatik, ianya akan dikemaskini mengikut pilihan yang dibuat melainkan jika dimaklumkan oleh pihak Bank.</p>
13	Adakah ianya lebih baik atau tidak sekiranya saya mengemaskan kini terma pembayaran saya?	Kami mahu anda membuat keputusan yang termaklum. Senarai pertimbangan boleh dirujuk dalam jadual A-D.
14	Sekiranya pinjaman/pembiayaan saya di bawah akaun bersama, adakah penyertaan salah seorang daripada kami bagi pihak pemegang akaun bersama boleh diterima untuk Tinjauan ini?	Ya, tetapi anda perlu memastikan semua pihak telah dimaklumkan tentang penerimaan berkenaan permohonan ini dan sebarang pertukaran kepada terma dan syarat yang berkaitan dengan kemaskini terma pembayaran akaun pinjaman/pembiayaan.

Jadual A: Pembiayaan Hartanah dan Pembiayaan ASB – Membuat keputusan yang termaklum

Pilihan	Meningkatkan ansuran bulanan	Bayaran sekaligus pada akhir tempoh
Bayaran	<p>Jumlah ansuran bulanan anda akan dinaikkan sehingga tamat tempoh pinjaman.</p> <p>Jumlah pembiayaan boleh dikurangkan selaras dengan jumlah ansuran yang anda sedang membayar untuk kemudahan ini.</p>	<p>Sekiranya anda memilih untuk mengurangkan tempoh pinjaman/pembiayaan anda, jumlah ansuran bulanan anda tidak akan berubah.</p> <p>Namun, ini akan menyebabkan jumlah akhir (bayaran sekaligus) yang lebih tinggi pada tempoh kematangan. Dengan ini, anda boleh mengurangkan kos pinjaman/pembiayaan keseluruhan anda oleh kerana tempoh yang telah dipendekkan.</p>
Faedah/Caj Keuntungan untuk dibayar	<p>Untuk Pembiayaan Konvensional dan Islamik, faedah/caj keuntungan mungkin akan berkurangan disebabkan peningkatan ke atas jumlah ansuran bulanan yang telah dibayarkan ke akaun anda.</p> <p>Dengan ini, jumlah pinjaman/pembiayaan anda boleh dikurangkan.</p> <p>Bagi Pembiayaan Islamik, caj keuntungan yang sedang dibayar ke atas kemudahan ini dihadkan kepada Harga Jualan Bank.</p>	<p>Untuk Pembiayaan Konvensional dan Islamik, faedah/caj keuntungan akan dikira berdasarkan tempoh baki pinjaman/pembiayaan yang telah dipendekkan, kadar faedah/caj keuntungan semasa dan baki pokok yang belum dijelaskan. Oleh itu, faedah/caj keuntungan akan dikurangkan.</p> <p>Dengan ini, jumlah keseluruhan pinjaman/pembiayaan anda boleh dikurangkan.</p>
Kesan terhadap anda sekiranya anda mengemas kini terma pembayaran anda	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Pengurangan ke atas kos pinjaman/pembiayaan keseluruhan anda. ✓ Peningkatan ansuran bulanan bermakna anda mempunyai wang tunai yang berkurangan dalam tempoh ini. 	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Jumlah ansuran bulanan anda tidak akan berubah tertakluk kepada perubahan kadar faedah/caj keuntungan efektif, namun tempoh faedah/caj keuntungan anda akan dikurangkan. Ini boleh mengurangkan jumlah keseluruhan pinjaman/pembiayaan anda. ✓ Anda dikehendaki untuk membayar jumlah akhir yang lebih tinggi pada tempoh kematangan.

Jadual B: Pembiayaan Peribadi – Membuat keputusan yang termaklum

Pilihan	Pinjaman Cash Plus / Pinjaman Xpress Cash (Konvensional)		Pembiayaan Cash Plus / Pembiayaan Xpress Cash (Islamik)	
	Meningkatkan ansuran bulanan	Bayaran sekaligus pada akhir tempoh	Meningkatkan ansuran bulanan	Bayaran sekaligus pada akhir tempoh
Pembayaran	<p>Jumlah bayaran ansuran bulanan anda akan ditingkatkan sehingga tamat tempoh, namun tempoh pinjaman anda akan dikurangkan. Dengan ini, anda boleh mengurangkan jumlah keseluruhan pinjaman oleh kerana tempoh yang telah dipendekkan.</p> <p>Sebagai contoh, sekiranya anda memohon pada Februari 2023, bayaran ansuran bulanan anda akan dikemaskini bermula Mac 2023.</p>	<p>Jumlah bayaran ansuran bulanan anda tidak akan berubah dan tempoh pinjaman anda akan dikurangkan. Namun, ini akan menyebabkan anda membayar jumlah terakhir yang lebih tinggi pada tempoh kematangan. Dengan ini, anda boleh mengurangkan jumlah keseluruhan pinjaman oleh kerana tempoh yang telah dipendekkan.</p> <p>Sebagai contoh, sekiranya anda memohon pada Februari 2023, bayaran ansuran bulanan anda tidak akan berubah. Namun, tempoh pinjaman anda akan dipendekkan mulai bulan seterusnya, iaitu Mac 2023.</p>	<p>Jumlah bayaran ansuran bulanan anda akan ditingkatkan sehingga tamat tempoh, namun tempoh pembiayaan anda akan dikurangkan. Dengan ini, anda boleh mengurangkan kos pembiayaan keseluruhan anda oleh kerana tempoh yang telah dipendekkan.</p> <p>Sebagai contoh, sekiranya anda memohon pada Februari 2023, bayaran ansuran bulanan anda akan dikemas kini bermula Mac 2023.</p>	<p>Jumlah bayaran ansuran bulanan anda tidak akan berubah dan tempoh pembiayaan anda akan dikurangkan. Namun, ini akan menyebabkan anda membayar jumlah terakhir (bayaran sekaligus) yang lebih tinggi. Dengan ini, anda boleh mengurangkan jumlah kos pembiayaan keseluruhan anda oleh kerana tempoh pembiayaan yang telah dipendekkan.</p> <p>Sebagai contoh, sekiranya anda memohon pada Februari 2023, bayaran ansuran bulanan anda tidak akan berubah. Namun, tempoh pembiayaan anda akan dipendekkan mulai bulan seterusnya iaitu Mac 2023.</p>
Faedah/Caj Keuntungan untuk dibayar	Jumlah kos pembiayaan keseluruhan anda akan dikurangkan oleh sebab tempoh yang telah dipendekkan.	<p>Anda perlu membayar jumlah bayaran terakhir (bayaran sekaligus) yang lebih tinggi pada akhir tempoh.</p> <p>Dengan ini, kos pinjaman/pembiayaan keseluruhan boleh dikurangkan.</p>	Kos pembiayaan keseluruhan anda akan dikurangkan oleh kerana tempoh yang telah dipendekkan.	<p>Anda perlu membayar jumlah bayaran terakhir (bayaran sekaligus) yang lebih tinggi pada akhir tempoh.</p> <p>Dengan ini, kos pinjaman/pembiayaan keseluruhan boleh dikurangkan.</p>

<p>Kesan terhadap anda sekiranya anda mengemas kini terma pembayaran anda</p>	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Pengurangan ke atas kos pinjaman keseluruhan anda kerana tempoh pinjaman/pembiayaan yang telah dipendekkan. ✓ Peningkatan ansuran bulanan bermakna anda mempunyai wang tunai yang berkurangan dalam tempoh ini. 	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Bayaran ansuran bulanan anda tidak akan berubah, namun tempoh pinjaman anda akan dipendekkan. Ini akan mengurangkan kos pinjaman keseluruhan anda. ✓ Anda perlu membayar jumlah akhir yang lebih tinggi pada tempoh kematangan. 	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Pengurangan ke atas kos pembiayaan keseluruhan anda kerana tempoh pembiayaan yang telah dipendekkan. ✓ Peningkatan ansuran bulanan bermakna anda akan mempunyai wang tunai yang berkurangan dalam tempoh ini. 	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Bayaran ansuran bulanan anda tidak akan berubah, namun tempoh pembiayaan anda akan dipendekkan. Ini akan mengurangkan kos pembiayaan keseluruhan anda. ✓ Anda perlu membayar jumlah akhir yang lebih tinggi pada tempoh kematangan.
---	--	--	--	--

Jadual C: Pembiayaan Auto – Membuat keputusan yang termaklum

Pilihan	Meningkatkan ansuran bulanan	Bayaran sekaligus pada akhir tempoh
<p>Bayaran</p>	<p>Jumlah ansuran bulanan anda akan ditingkatkan sehingga tamat tempoh, namun tempoh pinjaman/pembiayaan anda akan dikurangkan.</p> <p>Anda boleh mengurangkan kos pinjaman/pembiayaan keseluruhan anda kerana tempoh telah dipendekkan dan ansuran telah bertambah.</p> <p>Kami akan menghubungi anda untuk membincangkan potensi penjimatan selepas anda membalas notifikasi kami atau menghantar permintaan kepada kami.</p> <p>Sebagai contoh, sekiranya anda memohon pada Februari 2023, ansuran bulanan anda yang telah dikemas kini hanya akan berkuatkuasa selepas anda dan penjamin anda (sekiranya ada) telah menandatangani Perjanjian Variasi (Variation Agreement) dan setelah kami mengemaskini butiran akaun berkenaan.</p>	<p>Jumlah ansuran bulanan anda tidak akan berubah dan tempoh pinjaman/pembiayaan anda akan dikurangkan. Namun, ini akan menyebabkan jumlah akhir (bayaran sekaligus) yang lebih tinggi pada tempoh kematangan.</p> <p>Anda boleh mengurangkan kos pinjaman/pembiayaan keseluruhan oleh kerana tempoh yang telah dipendekkan. Kami akan menghubungi anda untuk membincangkan potensi penjimatan selepas anda membalas notifikasi kami atau menghantar permintaan kepada kami.</p> <p>Sebagai contoh, sekiranya anda memohon pada Februari 2023, tarikh kematangan anda yang telah dikemas kini hanya akan berkuatkuasa selepas anda dan penjamin anda (sekiranya ada) telah menandatangani Perjanjian Variasi (Variation Agreement) dan apabila kami telah mengemaskini butiran akaun berkenaan.</p>
<p>Faedah/caj keuntungan yang perlu dibayar</p>	<p>Anda akan melihat penjimatan jumlah faedah/caj keuntungan bergantung kepada kenaikan ansuran bulanan dan tempoh pinjaman/pembiayaan yang telah dipendekkan,</p>	<p>Anda akan melihat penjimatan jumlah faedah/caj keuntungan bergantung kepada tempoh pinjaman/pembiayaan yang telah dipendekkan.</p>

		Dengan ini, kos pinjaman/pembiayaan keseluruhan boleh dikurangkan.
Kesan terhadap anda sekiranya anda mengemas kini terma pembayaran anda	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Kos pinjaman/pembiayaan keseluruhan anda dikurangkan seperti di atas. ✓ Peningkatan ansuran bulanan bermakna anda mempunyai wang tunai yang berkurangan dalam tempoh ini. 	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Kos pinjaman/pembiayaan keseluruhan anda akan dikurangkan seperti di atas. ✓ Anda perlu membayar jumlah akhir yang lebih tinggi pada tempoh kematangan.

Jadual D: Pinjaman/Pembiayaan Berjangka yang telah ditukar dari baki kad kredit/-i – Membuat keputusan yang termaklum

Pilihan	Meningkatkan ansuran bulanan	Bayaran sekaligus pada akhir tempoh
Bayaran	<p>Jumlah ansuran bulanan anda akan ditingkatkan sehingga akhir tempoh, namun tempoh Pinjaman/Pembiayaan Berjangka anda akan dikurangkan. Dengan ini, anda boleh mengurangkan kos pembiayaan keseluruhan anda (untuk Pinjaman Berjangka Konvensional) kerana tempoh yang telah dipendekkan.</p> <p>Sebagai contoh, sekiranya anda memohon pada bulan Februari 2023, ansuran bulanan anda akan dikemaskini bermula Mac 2023.</p>	<p>Jumlah ansuran bulanan anda tidak akan berubah dan tempoh pinjaman/pembiayaan anda akan dikurangkan. Namun, ini akan menyebabkan jumlah akhir (bayaran sekaligus) yang lebih tinggi pada tempoh kematangan. Dengan ini, anda boleh mengurangkan kos pinjaman/pembiayaan keseluruhan oleh sebab tempoh pinjaman/pembiayaan yang telah dipendekkan.</p> <p>Sebagai contoh, sekiranya anda memohon pada Februari 2023, ansuran bulanan anda tidak akan berubah. Namun, tempoh pinjaman/pembiayaan anda akan dipendekkan mulai bulan seterusnya iaitu Mac 2023.</p>
Caj faedah/kemudahan yang perlu dibayar	<p>Untuk Pinjaman Berjangka Konvensional, kos pembiayaan keseluruhan anda akan dikurangkan.</p> <p>Tiada caj tambahan untuk Pembiayaan Berjangka Islamik, maka pengurangan kos pembiayaan keseluruhan adalah tidak berkenaan.</p>	<p>Anda perlu membayar jumlah bayaran terakhir (bayaran sekaligus) yang lebih tinggi pada akhir tempoh.</p> <p>Dengan ini, kos pinjaman/pembiayaan keseluruhan boleh dikurangkan.</p>
Kesan terhadap anda sekiranya anda mengemas kini terma pembayaran anda	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Pengurangan kos pembiayaan keseluruhan anda disebabkan oleh tempoh Pinjaman Berjangka yang telah dipendekkan. ✓ Peningkatan ansuran bulanan bermakna anda mempunyai wang tunai yang berkurangan dalam tempoh ini. 	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Ansuran bulanan anda tidak akan berubah, namun tempoh pembiayaan anda akan dipendekkan. Ini akan mengurangkan kos pembiayaan keseluruhan anda (untuk Pinjaman Berjangka Konvensional) ✓ Anda perlu membayar jumlah akhir yang lebih tinggi semasa penyelesaian.